

07 OCT 2001

Zaharah-Elaun

KERAJAAN KAJI SEMULA ELAUN GURU SEKOLAH TERENCAT AKAL

BUKIT MERTAJAM, 7 Okt (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mengkaji semula elaun tenaga pengajar di sekolah-sekolah terencat akal sebagai insentif kepada mereka yang sanggup berkhidmat dengan golongan insan istimewa itu.

Menterinya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata kenaikan elaun guru sekolah terencat akal itu perlu pada masa sekarang memandangkan kesukaran mendapatkan tenaga pengajar untuk sekolah-sekolah itu.

Menurutnya kerajaan amat menghargai jasa guru sekolah terencat akal kerana tidak ramai yang sanggup menjadi tenaga pengajar di sekolah itu.

"Bagi pihak kementerian, saya tidak ada masalah untuk mengkaji semula elaun guru," katanya pada majlis perasmian Sekolah Sinar Harapan di Permatang Rawa di sini.

Beliau berkata kementerian menerima peruntukan khas di bawah Pakej Rangsangan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini dan akan menggunakannya untuk meningkatkan lagi pembangunan sosial terutamanya golongan istimewa itu.

Dr Siti Zaharah berkata pelajar sekolah terencat akal tidak mempunyai pendedahan dan peluang yang sama seperti sekolah lain dan semua pihak termasuk ibu bapa harus berusaha membantu mereka dalam mengharungi kehidupan.

Katanya golongan insan istimewa sebenarnya sentiasa berusaha mencari peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka tetapi ia akan hanya dicapai jika mendapat sokongan daripada masyarakat.

Terdahulu, semasa merasmikan Hari Perpaduan peringkat negeri di Taman Selamat di sini, Dr Siti Zaharah berkata mulai tahun depan, semua 1,000 Taman Bimbangan Kanak-Kanak (Tabika) Perpaduan di seluruh negara akan melaksanakan modul pembelajaran dan pengajaran menggunakan teknologi maklumat.

Katanya menerusi penggunaan sistem maklumat itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru-guru di Tabika Perpaduan dapat dipantau bagi memastikan sistem pendidikan yang mengutamakan perpaduan kaum tercapai.

Sistem dalam talian itu, yang sama seperti konsep Sekolah Bestari, akan dilaksanakan setelah kajian tahun ini menunjukkan kesan positif termasuk aspek perpaduan kaum.

--BERNAMA

AZE NAK